

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN,**  
**46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 ( )

**MINIT MESYUARAT MAJLIS**  
**(PENGGAL 2012-2013)**  
**BILANGAN 10 TAHUN 2013**

<b>Tarikh</b>	: 25 Oktober 2013 (Jumaat)
<b>Masa</b>	: 9.30 Pagi – 12.47 Petang
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampirkan kehadiran

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

**2.1 Video Korporat**

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 8 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan September dan Oktober tahun 2013.

**2.2 Video**

***PJ International Fair : Sustainable Lifestyle, Green Living***

Tayangan video daripada Jabatan Perancangan Pembangunan adalah berkaitan *PJ International Fair : Sustainable Lifestyle, Green Living* yang mengambil masa selama 8 minit.



**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR****3.1 PJ INTERNATIONAL FAIR: SUSTAINABLE LIFESTYLE, GREEN LIVING**

Pembangunan fizikal seperti taman industri, kompleks membeli belah dan bangunan pencakar langit tidak membawa makna apabila pembangunan yang dibawa tidak berjaya membina sistem kekeluargaan, moral dan institusi di kalangan penduduk bandar. Bandar yang berjiwa adalah satu *hospitality* dan bukannya industri. Ianya adalah suatu cara hidup dan suatu sistem yang sentiasa terbuka.

Menyedari hakikat ini, Majlis telah mengambil keputusan untuk merancang pembangunan Bandar raya Petaling Jaya sebagai suatu bandar yang berdaya huni, dicintai dan berjiwa. Perancangan pembangunan harus difokuskan kepada usaha mewujudkan ruang awam berfungsi bagi mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni bandar. Majlis menginginkan supaya penghuni bandar dapat bekerja, bermain dan tinggal di kawasan bandar dengan semangat, rasa nikmat dan sepenuh hati.

Ke arah membangunkan Bandar raya Petaling Jaya sebagai *City With Soul*, Majlis akan menganjurkan *PJ INTERNATIONAL FAIR ; Sustainable Lifestyle, Green Living* pada 21 dan 22 Disember 2013 di sekitar kawasan Pusat Bandar Seksyen 52. Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah bidang ‘sustainable lifestyle’ yang memberi keutamaan kepada kehijauan bandar dan gaya hidup lestari yang dicadangkan oleh penduduk Petaling Jaya semasa penyediaan Pelan Strategik, ‘Sustainable PJ 2030’.

*PJ International Fair* yang berkonsepkan *street carnival* akan dianjurkan dengan tema *Green Living Festival*, bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai inisiatif yang diambil oleh Majlis ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar raya Hijau, berdaya huni dan lestari. Majlis juga dapat berkongsi amalan terbaik (*best practice*) dan inovasi hijau bersama komuniti dari luar negara untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan mesra alam. Program dan aktiviti dibahagikan kepada lima (5) segmen iaitu:-

- i. *Eco-Mobility*
- ii. *Sustainable Community*
- iii. *Smart Garden*
- iv. *Healthy Lifestyle*
- v. *Green Arts & Culture*



Sebagai lanjutan, penganjuran aktiviti secara mingguan seperti penutupan sebahagian Jalan Yong Shook Lin untuk aktiviti berbasikal dan senamrobik, bazar barang organik, *open cinema*, *artist corner*, muzik jalanan (*busking*) dan *speakers corner* akan dilaksanakan.

Selain daripada itu, semua aktiviti yang dibuat secara *ad-hoc* dan sempena sambutan bandaraya sebelum ini akan disusun semula bersama dengan aktiviti *PJ International Fair* dan *PJ Walk* bagi menyediakan Pelan Tindakan bersepadu supaya ianya lebih tersusun dan merangkumi kesemua kawasan di Petaling Jaya serta meliputi kesemua aspek seperti interaksi sosial, beriadah, bersukan dan berekreasi dalam usaha Majlis menjadikan bandar Petaling Jaya bandaraya berjiwa.

### **3.2 BENGKEL PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD): KE ARAH BANDAR RAYA BERDAYA HUNI DAN LESTARI**

Sebagai satu langkah serius bagi menangani masalah kesesakan lalulintas yang menjadi isu utama di Petaling Jaya, Majlis akan menganjurkan Bengkel Pengangkutan Awam serta pengenalan kepada Pembangunan Berorientasikan Transit (*TOD*) pada 7 dan 8 November 2013. Penceramah daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan memberi penjelasan berkenaan cadangan sistem pengangkutan awam di Malaysia secara keseluruhan dan pelaksanaan di Petaling Jaya meliputi sistem MRT, LRT, komuter dan BRT. Majlis juga akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan Pembangunan Berorientasikan Transit (*TOD*) dengan melihat contoh-contoh pelaksanaan di luar negara.

Majlis telah menjemput penceramah daripada Hong Kong yang pakar dalam bidang sistem pengangkutan di rantau asia, Dr. Wang Liang Huew dan MR. Kerry Lyle Doss, pengurus di 'City Planning Branch, Brisbane City Council' yang terlibat dalam projek Pembangunan Berorientasikan Transit (*TOD*) di Brisbane. Input daripada penduduk dan kesemua 'stakeholders' juga akan diperolehi untuk menetapkan suatu model *TOD* yang bersesuaian untuk dilaksanakan khususnya di kawasan Petaling Jaya.

### **3.3 PROGRAM PENANDAARASAN DI MELBOURNE CITY COUNCIL**

Selaras dengan keperluan menangani isu-isu strategik pembangunan dan pengurusan perbandaran yang semakin kompleks, kompetensi dan kapasiti Majlis selaku PBT perlu dipertingkatkan lagi. Justeru itu, satu lawatan teknikal akan diadakan pada 27 hingga 31 Oktober 2013 ke Melbourne City Council bagi



mempelajari dan mengadaptasi amalan terbaik kerajaan tempatan di peringkat antarabangsa yang mencakupi bidang pengurusan daya huni, perancangan bandar dan pengangkutan awam. Usaha itu bagi memperkasakan organisasi Majlis sebagai PBT yang dibuat meliputi penyusunan semula jabatan-jabatan supaya lebih fokus, pelbagai tugas, dan merentasi jabatan bagi mengelakkan pertindihan tugas dan pembaziran sumber.

Melbourne, Australia ialah Bandar raya kedua paling berdaya huni (*livable*) yang boleh dijadikan rujukan Majlis selaras dengan matlamat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya Hijau, Berdaya huni dan Lestari pada tahun 2030. Berkaitan dengan perkara ini juga, melalui bengkel *Livable Cities* yang telah diadakan pada 26 September 2013 lalu, yang telah dihadiri oleh wakil Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, NGO, sektor swasta, pelajar pusat pengajian tinggi dan pelajar sekolah telah mengenal pasti empat isu strategik yang perlu diberi fokus meliputi isu lalu lintas dan pengangkutan, kekurangan kawasan lapang dan rekreasi, kekurangan kemudahan masyarakat dan infrastruktur serta keselamatan. Bengkel ini juga telah mengenalpasti hala tuju pembangunan Petaling Jaya meliputi lima sektor utama iaitu alam sekitar (*clean, green efficient city*), ekonomi (*vibrant, prosperous economy*), masyarakat dan budaya (*vibrant, healthy, caring society*), penempatan manusia (*beautiful, connected, accessible city*) dan tadbir urus (*a city well-governed with its people*).

Majlis telah komited untuk melaksanakan *Pelan Strategik Sustainable Petaling Jaya 2030* serta meningkatkan sistem pengangkutan awam melalui strategi mengsehalakan jalan, menyediakan *feeder service*, menyediakan *park and ride* di luar pusat bandar, mengurangkan kenderaan memasuki pusat bandar, meningkatkan kadar tempat letak kereta di dalam pusat bandar, melaksanakan program *traffic calming* serta menyediakan ruang lebih luas bagi laluan khas pejalan kaki dan basikal.

#### **3.4 PROJEK MENAIK TARAF BULATAN OTHMAN KEPADA PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT**

Umum mengetahui situasi trafik sedia ada di Bulatan Othman mengalami kesesakan lalulintas yang kritikal terutama di waktu puncak. Keadaan ini berlaku disebabkan pertambahan kenderaan yang tinggi selaras dengan pembangunan kawasan sekitarnya. Bulatan sedia ada kini tidak dapat lagi menampung tambahan trafik. Berdasarkan kajian trafik yang telah dilaksanakan, Bulatan Othman perlu dinaik taraf bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada. Lokasi Bulatan Othman terletak berhampiran Seksyen 1, Seksyen 3, Seksyen 5, dan Seksyen 6, Petaling Jaya. Ia berada



dipertemuan Jalan Templer dan Jalan Gasing. Trafik dari Lebuhraya Persekutuan akan melalui Bulatan Othman untuk ke Lebuhraya Pantai atau Jalan Klang Lama sebagai laluan ke kawasan Petaling Jaya Selatan atau Kuala Lumpur. Sehubungan itu, Majlis akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Bulatan Othman kepada persimpangan berlampau isyarat yang dijangka bermula pada 24 Oktober 2013 sehingga 23 Ogos 2014. Kerja-kerja yang akan mengambil masa selama 10 bulan ini menelan belanja RM3.14 juta. Majlis telah melantik syarikat PUSPACON bagi pelaksanaan kerja-kerja tersebut termasuk kerja-kerja pengalihan utiliti.

### **3.5 PELAKSANAAN SISTEM JALAN SEHALA**

Majlis akan melaksanakan projek sistem jalan sehala yang melibatkan Jalan Barat, Jalan Timur, Jalan Sultan dan Jalan Yong Shook Lin di mana sistem lalu lintas sedia ada dari jalan dua hala kepada sistem jalan sehala. Majlis telah menjalankan kajian trafik sejak tahun 2001 dan kajian semula telah dibuat dan dilengkapkan pada tahun 2012. Pelaksanaan sistem baru ini dijangka mampu meredakan kesesakan lalu lintas yang berlaku di jalan-jalan sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 pada setiap waktu puncak dan seterusnya bagi membolehkan pembangunan projek-projek baru di sekitar kawasan itu dilaksanakan.

Projek ini dijadualkan akan bermula pada Januari 2014 dan tempoh kerja adalah selama 12 bulan (48 minggu). Arah aliran lalu lintas selepas pelaksanaan jalan sehala ini siap, adalah bermula dari Jalan Barat menuju Jalan Utara, Jalan Timur dan Jalan Sultan mengikut pusingan jam. Arah aliran lalu lintas sehala di Jalan Yong Shook Lin sedia ada pula juga akan bertukar arah secara sehala. Kos projek yang terlibat adalah berjumlah RM26 juta dan akan dibiayai menggunakan peruntukan Akaun Tabung Amanah.

### **3.6 PELAKSANAAN SISTEM HAD MASA MELETAK KENDERAAN DI PUSAT BANDAR DATARAN SUNWAY**

Majlis telah mula melaksanakan sistem had masa meletak kenderaan untuk tempoh 2 jam sahaja di Pusat Bandar Dataran Sunway, PJU 5, Kota Damansara. Tempoh percubaan bagi sistem ini adalah selama 3 bulan bermula pada 15 Oktober 2013 sehingga 14 Januari 2014.

Sistem ini dilaksanakan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan Pusat Bandar akibat pemilik meletak kenderaan secara berlapis (*double parking*) selain menggalakkan pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan untuk tempoh masa lebih lama menggunakan kemudahan tempat letak kereta di



kompleks letak kereta yang disediakan. Kadar caj letak kereta di kompleks ini adalah RM1.00 untuk 3 jam pertama dan RM1.00 setiap jam berikutnya dengan caj maksima RM7.00 ke RM8.00. Bagi pemandu kenderaan yang meletak kenderaan untuk tempoh masa singkat iaitu kurang dari 2 jam, mereka digalakkan meletak kenderaan di atas jalan (*on street parking*).

Kemudahan petak letak kereta yang disediakan di kawasan Pusat Bandar Dataran Sunway adalah seperti berikut :-

- |      |                       |   |             |
|------|-----------------------|---|-------------|
| i.   | Kompleks Giza         | - | 840 petak   |
| ii.  | Kompleks Central Park | - | 642 petak   |
| iii. | Atas jalan            | - | 1,487 petak |

Orang awam diminta memberikan kerjasama penuh dengan mematuhi had masa yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi had masa akan menyebabkan kenderaan mereka dikunci dan Majlis akan mengambil tindakan menunda kenderaan yang diletakkan di luar petak tempat letak kereta. Sistem ini akan dilaksanakan di seluruh Pusat Bandar Petaling Jaya yang mengalami masalah kesesakan lalu lintas sekiranya didapati berkesan atau memberi impak yang positif ke atas penyelesaian masalah kesesakan lalu lintas. Pandangan orang awam tentang perlaksanaan sistem had masa meletak kenderaan ini bolehlah disalurkan terus ke alamat e-mel berikut, [parkingbermasa@mbpj.gov.my](mailto:parkingbermasa@mbpj.gov.my).

### 3.7 BAJET 2014 – PJ LESTARI

Sejajar dengan tema Bajet 2014, PJ Lestari, Majlis akan memberi fokus kepada 5 sektor pembangunan utama iaitu kemudahan prasarana, persekitaran mesra alam, pengurusan trafik efisyen, gaya hidup lestari dan memperkasakan organisasi. Ke arah matlamat tersebut, penekanan akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang bertaraf dunia bagi memenuhi ekspektasi masyarakat Petaling Jaya.

Demi meningkatkan kecekapan pengurusan trafik dan prasarana, Majlis komited meningkatkan kualiti kemudahan dan jaringan pengangkutan awam bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas. Ini termasuk memperuntukkan RM1 juta bagi mengadakan perkhidmatan bas pengantara, RM4.67 juta bagi menyediakan kemudahan *Park n Ride* di kawasan tadahan TOD serta RM6.09 juta bagi pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki yang selamat, selesa dan mampu-guna dengan iltizam mencapai modal *split* pengangkutan kepada 60:40 menjelang tahun 2030.



Bagi mencapai wawasan dan hasrat tersebut, kerjasama dan sokongan padu *stakeholders* adalah sangat penting. Sebagai contohnya, sokongan Pejabat Tanah Daerah Petaling adalah perlu untuk pemprosesan perolehan tanah TOL dengan kadar segera bagi pembinaan kemudahan *Park n Ride*. Begitu juga kerjasama bersepadu dengan agensi pembekal utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad, Indah Water Konsortium, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Syarikat Bekalan Air Selangor supaya sebarang kerja-kerja pembinaan dan pengorekan atas jalan tidak mendarangkan gangguan serius kepada pengguna jalanraya. Dalam pada itu, fokus pembangunan persekitaran mesra alam dan gaya hidup lestari memberi penekanan kepada konsep kebertanggungjawaban sosial dan 3R (*reduce, reuse & recycle*). Ke arah tersebut, pemajuan koridor hijau sebagai mod eko-mobiliti dan kawasan lapang akan dipergiatkan. Program membina kapasiti dan menggalakkan inovasi serta tindakan proaktif segmen masyarakat turut diberi keutamaan.

Dalam hal ini, kesinambungan dan penyelarasian strategi, dasar, garis panduan dan program antara semua jabatan-jabatan teknikal dalaman dan luaran MBPJ adalah kritikal. Sebagai contohnya ketika JPS menentukan pelaksanaan MASMA yang berkesan di Koridor Hijau, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar juga perlu melihatnya sebagai satu langkah pengindahan dan Jabatan Kejuruteraan serta JKR mengambil ianya sebagai satu alternatif infrastruktur perjalanan. Begitu juga dengan program Bandar Selamat, Bangunan Hijau, Kepolisian Komuniti dan lain-lain.

Majlis mempunyai harapan besar untuk semua agensi yang terlibat akan bekerjasama erat dan proaktif sebagai satu pasukan supaya kita dapat mengorak langkah ke hadapan merealisasikan transformasi Petaling Jaya kepada bandar raya peneraju, dinamik, lestari, hijau dan berkarbon rendah.

### 3.8 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Laporan *Human Capital Index* 2013 oleh *World Economic Forum* telah menyenaraikan Malaysia di tangga ke- 22 daripada 122 negara di seluruh dunia. Di rantau Asia Pasifik, Malaysia telah menduduki tempat kelima selepas Singapura (1), New Zealand (2), Jepun (3) dan Australia (4). Kajian perintis tersebut membuat penilaian berdasarkan empat bidang yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan persekitaran. Ia mengkaji bagaimana setiap negara memanfaatkan modal insan dan membangunkan tenaga kerja untuk memenuhi permintaan ekonomi yang semakin kompetitif.



Penilaian itu juga selaras dengan aspirasi Pembangunan Modal Insan yang diperkenalkan melalui Inisiatif Pembaharuan Strategik negara pada tahun 2011 di bawah Program Transformasi Ekonomi. Aspirasi tersebut bertujuan untuk mewujudkan pasaran tenaga kerja yang fleksibel, meningkatkan kemahiran dan keupayaan sedia ada serta meningkatkan keupayaan Malaysia untuk mengekalkan modal insan cemerlang. Modal insan ialah keseimbangan pembangunan fizikal yang berteraskan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang merangkumi nilai, etika, minda progresif dan kesedaran budaya yang tinggi.

Masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral turut perlu dipupuk di samping memperkasa golongan belia dan wanita supaya ketidakseimbangan jantina dapat dikurangkan. Melihat kepada kepentingan tersebut, Majlis telah mengambil inisiatif menerusi program tanggungjawab sosial dengan pelaksanaan pelbagai program dan kempen kepada masyarakat, di antaranya seperti berikut:-

- i. Komuniti, sosial dan belia - Program Mesra Rakyat, Program Menaiktaraf Kualiti Hidup Rakyat, Program Bangunan Hijau (*Green Building*) dan Menceriakan Bangunan, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program Amal Konvoi Motor Belia, K.A.S.I.H, *Cut & Cook*, Kayuhan Belia Ehsan Selangor, Hari Belia 2013, Program Pembangunan Sukan dan lain-lain.
- ii. *Local Agenda 21* - Anugerah Komuniti Mampan, Pertandingan Komuniti Sejahtera, Program Orang Kelainan Upaya, Program Bandar Bebas Halangan dan Anugerah Tokoh Hijau, Program Bumi Hijau, *Caring Community* dan Projek SUBUR.

Bagi tempoh dari Januari hingga Oktober 2013, Majlis telah melaksanakan sebanyak 120 aktiviti kemasyarakatan dengan memberi tumpuan golongan sasaran iaitu belia, wanita, pelajar-pelajar, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan pekerja industri. Program tersebut telah menjadi aktiviti tahunan dan perlu sentiasa ditambah baik mengikut keperluan masyarakat dan peredaran masa.

Pelaksanaan program-program itu juga adalah sejajar dengan program pembangunan insan Kerajaan Negeri Selangor iaitu Program Spiritual, Physical, Emosi dan Sosial (SPIES) yang telah dilaksanakan sejak lima tahun lalu, yang melibatkan golongan sasaran iaitu remaja, belia, siswa, penjawat awam, warga pendidik, kepimpinan masyarakat, keluarga dan profesional.



Ke arah hasrat Majlis untuk mencapai kemajuan yang seimbang, perancangan secara *curtain image* perlu diaplikasikan, yang mana bukan sahaja pembangunan bandar atau fizikal diberi tumpuan malahan pembangunan modal insan turut dilaksanakan secara holistik. Pengisian program untuk golongan tersebut dapat mewujudkan anjakan paradigma yang dapat kita laksanakan untuk mewujudkan *communal happiness*.

### 3.9 OPERASI PENGUATKUASAAN

Majlis giat melaksanakan operasi-operasi penguatkuasaan, sebanyak 5,983 kompaun telah dikeluarkan dan 607 sitaan telah dibuat, sebanyak 27 tangkapan oleh agensi terlibat melibatkan operasi Hiburan, Pusat Siber, pusat kesihatan, kesalahan lalu lintas dan lain-lain kesalahan.

Manakala operasi khas “Ops Mentari” di Dataran Mentari mulai 1 September 2013 sehingga kini sebanyak 12 kompaun, 18 sitaan dan 37 tangkapan di buat oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan 4 tangkapan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melibatkan operasi hiburan, pusat siber dan pusat kecantikan.

Bagi menangani masalah iklan tanpa lesen, tindakan proaktif terus dilaksanakan. Sepanjang Oktober 2013, sebanyak 42,022 iklan pelbagai saiz telah berjaya diturunkan melibatkan iklan, poster, *bunting* dan *banner*. Statistik tahun 2013, sebanyak 305,613 iklan pelbagai saiz telah diturunkan termasuklah 88 iklan struktur papan tanda arah. Bagi memastikan keberkesanan tindakan, sebanyak 93 kompaun dikeluarkan, 29 kes langgar syarat dan penyamaran serta carian ke premis telah dilaksanakan. Manakala 2 kes berjaya dibawa ke Mahkamah bagi kesalahan menggantung iklan tanpa lesen.

### 3.10 PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Pembangunan bandar yang pesat memberi impak yang baik kepada sebahagian besar masyarakat. Walaubagaimanapun, realitinya pembangunan dan kepadatan penduduk yang tinggi juga secara tidak langsung telah menyumbang kepada masalah sosial dan ekonomi sehingga terdapat segelintir penghuni terbeban dengan kehidupan yang agak sukar dengan kos hidup yang tinggi dan dikategorikan sebagai miskin bandar. Dalam menangani jurang pendapatan isi rumah, Majlis giat melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) khususnya di kalangan penduduk miskin yang telah dikenal pasti.



Sejumlah 866 keluarga di Petaling Jaya telah dikenal pasti dan berdaftar di bawah PPKB, berada di paras garis kemiskinan (PGK) dengan pendapatan tanggungan isi rumah kurang dari RM1,500.00 (paras yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor). Majoriti penduduk miskin bandar yang dikenal pasti adalah terdiri dari keluarga yang menghuni di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR).

Majlis komited mempergiatkan usaha pembasmian kemiskinan bandar melalui strategi mengenal pasti masalah, mendapatkan kerjasama daripada agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Zakat Selangor dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara bersepudu serta mengatur program secara komprehensif dan berterusan.

Golongan ini berpeluang untuk mendapat pengetahuan dan mempelajari pelbagai kemahiran bagi menjana pendapatan sendiri. Pada masa yang sama, ini dapat mengurangkan kadar pengangguran dan gejala sosial. Antaranya ialah penganjuran bengkel kemahiran seperti bengkel jahitan dan sulaman manik, bengkel kek dan hiasan, bengkel pembuatan, terapi urutan badan serta kemahiran komputer untuk pembinaan laman web dan blog. Majlis mengamalkan kaedah ibarat ‘memberi pancing untuk menangkap ikan dan bukan hanya memberi ikan semata-mata’ dalam pelaksanaan program ini.

Keberkesanan program ini juga dapat dilihat dengan penurunan jumlah keluarga miskin bandar sejak program ini mula dilaksanakan pada Jun 2011, iaitu seramai 1360 keluarga menurun kepada 866 keluarga pada September 2013. Sebahagian besar peserta program ini telah mendapat manfaat daripada bengkel kemahiran yang disediakan dan berupaya berdikari serta menjana pendapatan dengan mengusahakan perniagaan sendiri sama ada membuka kedai atau secara atas talian (*online*).

### **3.11 PELANTIKAN CONTRACT FOR SERVICE BAGI PEMBERSIHAN TANDAS AWAM**

Majlis telah melantik pekerja secara *Contract for Service* bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di 14 lokasi tandas awam di bawah seliaan Majlis. Pekerja yang dilantik ini terdiri daripada ibu tunggal, bapa tunggal dan orang miskin dengan bayaran gaji sebanyak RM1,500.00 sebulan. Melalui inisiatif ini, dapat memberikan peluang pekerjaan dengan pendapatan tetap sekaligus mengurangkan beban tanggungan keluarga.



Mulai September 2013, seramai lima orang pekerja telah dilantik dan diempatkan di lima tandas awam Majlis iaitu di SS2, Seksyen 52/6, Stesen Bas Old Town, Damansara Jaya dan Jalan 223. Pemeriksaan kebersihan tandas-tandas tersebut menunjukkan peningkatan tahap kebersihan dengan mencapai markah 90%.

### 3.12 KEMPEN DAN SEMINAR TANDAS BERSIH

Usaha-usaha membudayakan amalan tandas bersih tidak seharusnya menjadi tanggungjawab pihak kerajaan sahaja. Peranan dan penglibatan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam aspek kebersihan dan kesihatan seperti pengusaha kedai makanan dan restoran, pengusaha hotel, pengurusan hospital, stesen minyak, sekolah, pemilik dan pengeluar barangsanitasi serta kontraktor-kontraktor pembersihan awam adalah amat penting. Diharap tandas-tandas di bawah jagaan seliaan masing-masing dapat dipantau dan diselenggarakan dengan baik agar tandas-tandas tersebut sentiasa berkeadaan bersih dan dapat digunakan dengan selesa dan selamat oleh semua pengguna.

Sehubungan itu, Majlis akan menganjurkan kempen kesedaran dan Seminar Tandas Bersih pada 14 November 2013 ini, sejajar dengan inisiatif Pertubuhan Tandas Sedunia (*World Toilet Organisation*, WTO) yang begitu prihatin terhadap kurangnya perhatian manusia sejagat ke atas aspek-aspek penjagaan kebersihan dalam kehidupan seharian. Pengajuran seminar ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada peniaga, kontraktor, remaja dan orang awam terhadap penggunaan dan penjagaan tandas mengikut amalan terbaik. Seminar ini mensasarkan seramai 200 orang peserta. Salah satu kriteria bagi pemeriksaan di premis makanan seperti restoran bagi tujuan permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan adalah pemeriksaan ke atas kebersihan tandas.

Bagi permohonan lesen baru, sekiranya pemilik gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pemilik akan dikenakan notis untuk tindakan pemberian dalam tempoh 14 hari. Kegagalan pemilik melaksanakan tindakan pemberian akan menjelaskan permohonan lesen. Bagi bulan Oktober 2013, Jabatan Kesihatan Persekutuan telah melakukan pemeriksaan ke atas 180 premis makanan, pusat kesihatan dan pusat penjagaan. Sehubungan itu, Majlis memandang serius terhadap isu kebersihan keseluruhannya dan mengingatkan agar semua pihak bersama-sama memainkan peranan dan bertanggungjawab menjaga kebersihan.



**3.13 KES DENGGI DI PETALING JAYA**

Kejadian kes denggi juga amat berkait rapat dengan penjagaan kebersihan. Kesedaran mengenai wabak denggi serta usaha menanganinya masih rendah terutama di kalangan masyarakat kawasan bandar. Apa yang menyediakan peningkatan jumlah kes ini disebabkan sikap segelintir mereka yang meletakkan amalan kebersihan sebagai perkara kedua. Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2013, Petaling Jaya telah mencatatkan 1521 kes denggi. Usaha mengurangkan kes denggi termasuk kawalan dan pemantauan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bersama Majlis sendiri amat memberi makna dalam usaha menangani masalah ini seperti mengambil tindakan *fogging*, pemeriksaan jentik-jentik dan gotong-royong. Bagaimanapun, usaha dan tindakan ini akan menjadi sia-sia sekiranya masyarakat sendiri tidak mengambil berat dan kurang prihatin terhadap kepentingan menjaga kebersihan.

Majlis berharap orang ramai dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapat bahawa pemberian nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Orang awam dinasihatkan untuk meluangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing.

**3.14 PERMOHONAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI MAJLIS**

Bagi permohonan penggunaan peruntukan Ahli Majlis tahun 2013, beliau ingin mengingatkan kepada semua Ahli Majlis agar segera menghantar permohonan pada atau sebelum 31 Oktober 2013. Ini amat penting bagi membolehkan permohonan diproses oleh jabatan dan kerja-kerja siap serta pembayaran boleh dijelaskan pada atau sebelum 31 Disember 2013.

Beliau sangat berharap semua perancangan dan pelan tindakan dapat dilaksanakan dan dicapai dengan sokongan padu dan komitmen semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis serta seluruh masyarakat dan penduduk Petaling Jaya. Kesungguhan jentera pelaksana dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan agar kita terus relevan dan selari dengan keperluan, tuntutan sertakehendak rakyat.



**3.15 SOVEREIGN WEALTH FUND (SWF) – KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk menubuhkan skim dana pelaburan kolektif (reksadana) milikan awam (sovereign wealth fund, (SWF) di bawah Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi tujuan pembangunan semula dan pembangunan baru di Petaling Jaya dan Klang. Dana tersebut buat sementara waktu dinamakan Selangor Urban Development Fund (SUDF) dijangka mempunyai saiz dana permulaan sebanyak RM1 billion yang akan diperolehi daripada sumbangan pihak berkepentingan sektor swasta dalam industri pembangunan tanah infrastruktur termasuk pemaju dan syarikat pembinaan. Kerajaan Negeri akan bersama-sama dengan PBT yang berkaitan akan memperuntukkan peratusan tertentu daripada rizab tunai atau lebihan belanjawan untuk dana tersebut. Dengan model ini Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan menjadi penggerak atau pemangkin pembangunan bandar dengan satu pelan induk komprehensif dan menyeluruh manakala sektor swasta akan menjadi pelaksana rancangan yang digariskan Kerajaan Negeri.

SWF bertujuan mewujudkan kerjasama yang erat antara sektor awam dan sektor swasta lantas ia menyediakan sumber kewangan yang sangat diperlukan terutamanya dalam memastikan kesinambungan di kala situasi kewangan yang kelam. Justeru, cabaran di pihak Majlis adalah menghasilkan rancangan pembangunan induk yang mampu meyakinkan pelabur bahawa pembangunan semula Petaling Jaya akan memberi pulangan yang baik sepanjang dekad mendatang. Melalui usaha mewujudkan iklim komersial yang sesuai, Petaling Jaya harus menunjukkan bahawa kerjasama sektor awam dan swasta ini bukan sahaja memanfaatkan pelabur, tetapi yang lebih penting memastikan rakyat dihubungkan dengan kemudahan sewajarnya.

Beliau juga ingin mengucapkan selamat meraikan Hari Deepavali kepada semua Ahli-ahli Majlis, pegawai dan warga kerja Majlis serta warga Bandar raya Petaling Jaya yang menganut agama Hindu.

**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 9 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

- 4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 9 Tahun 2013 bertarikh 25 September 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.



## 5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-

5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 9 TAHUN 2013  
BERTARIKH 25 SEPTEMBER 2013 (PENGGAL 2012/2013)

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
4.1	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 9 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemasangan lampu di tempat letak kereta dan tempat-tempat sunyi.</li> </ul>	Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum berkaitan isu tersebut dan akan membuat pemasangan lampu di tempat letak kereta dan di tempat-tempat sunyi sebelum 2014.
5.0	<b>LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan Tuan Ir. Lee Suet Sen agar 'Task Force' longkang ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Encik Chan Chee Kong.</li> <li>- Menyerahkan jadual penyelenggaraan longkang bagi kawasan PJU kepada YB. Puan Yeo Bee Yin untuk makluman.</li> </ul>	Mesyuarat 'Task Force' Longkang Bil 1/2013 akan diadakan pada 6 November 2013. Mesyuarat tersebut akan dianggotai oleh Tuan Ir Lee Suet Sen, Tuan Haji Ghazali Bin Daud bersama Jabatan teknikal yang terlibat dan dipengerusikan oleh Encik Chan Chee Kong.  Jadual Penyelenggaraan berkala Tahun 2014 Kawasan PJU telah diserahkan kepada YB Puan Yeo Bee Yin melalui emel pada 21 Oktober 2013



Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
	- Status lubang di Jalan PJS Medan Baru (jalan tepi sekolah).	Lubang yang dimaksudkan adalah baki lombong yang perlu dikambus. Oleh itu, skop kerja kambus tanah adalah sebahagian dalam tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan di dalam Mesyuarat Teknikal.
6.3	<b>PINDAAN DAN TAMBAHAN AYAT KEPADA MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 OGOS 2013, 10 SEPTEMBER 2013 DAN 19 SEPTEMBER 2013</b>	Perkara-perkara yang dibangkitkan telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil 22/2013 bertarikh 30 September 2013.
6.10.1 b)	<b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2013.</b> - Pembelian mesin kompositing yang dicadangkan tidak dapat dilaksanakan kerana ia akan menjadi beban kepada Majlis dari segi penyelenggaraan.	Pembelian mesin kompositing yang dicadangkan tidak dapat dilaksanakan kerana ia akan menjadi beban kepada Majlis dari segi penyelenggaraan.
7.3	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG</b> - program gotong royong yang dijalankan lebih berkesan berbanding dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor pembersihan.	Jabatan Kesihatan Persekutuan mengambil maklum perkara ini dan surat amaran akan diberi bukan sahaja kepada kontraktor malah kepada pengawas kawasan tersebut.



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.5	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berharap agar Majlis dapat mengawal isu perumahan 'guarded' di Petaling Jaya.</li> </ul>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Halangan di Sekitar Petaling Jaya Bil 5/2013 pada 11 Oktober 2013, Jawatankuasa Mesyuarat telah bersetuju dan memutuskan :-</p> <p>i) Tindakan Penguatkuasaan mengalih dan membuang halangan telah dilaksanakan di lokasi-lokasi seperti di bawah memandangkan ia adalah jalan utama dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh majlis :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Simpang Jalan PJU 1A/ 43 dan Jalan PJU 1A/43E (Whinchester Ara Damansara)</li> <li>b) Simpang Jalan BU 6/6 dan BU 7/1</li> <li>c) Simpang Jalan BU 6/2 dan BU 7/1</li> <li>d) Jalan SS 22/2</li> </ul> <p>ii) Operasi perobohan halangan telah diadakan pada 17 Oktober 2013 jam 10.00 pagi diketuai oleh Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasa, Unit Perundungan serta Unit Perhubungan Awam.</p> <p>Mesyuarat turut memutuskan agar Jabatan Kejuruteraan melaporkan status halangan di Petaling Jaya berdasarkan permohonan dan tiada permohonan serta halangan yang mengikut prosedur atau menyalahi prosedur.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.</b></p>



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.6	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH</b> - Memohon penempatan pembantu penguatkuasa dan pengawas bagi memantau peniaga tanpa lesen di kawasan Pasar Basah dan Pasar malam.	Pemantauan telah di buat oleh dua orang pengawas iaitu Encik Wan Al Ikhwan dan En. Yushairi dan seorang Pembantu Kesihatan Awam iaitu Encik Aziz bin Jassan dari Unit Penguatkuasaan Peniaga-Peniaga Kecil Dan Penjaja, Bahagian Kesihatan Awam, MBPJ
7.11	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM. RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN</b> - faktor keseimbangan pembangunan dengan keperluan asasi manusia.	Pihak Jabatan mengambil maklum perkara tersebut di mana setiap pembangunan di seimbangkan dengan kemudahan awam.

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 1 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (123)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**



6.2

- CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2013, 8 OKTOBER 2013, 16 OKTOBER 2013 DAN 22 OKTOBER 2013.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (95)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (97)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (99)]  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (101)]

- 6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

6.3

- CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 8 OKTOBER 2013.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (31)]

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.**

- 6.3.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud mencadangkan agar pemantauan dibuat ke atas kontraktor pemberian longkang yang meninggalkan serpihan simen di tepi longkang dimana menyukarkan kerja-kerja pembersihan longkang dan kerja-kerja memotong rumput di kawasan tersebut. Sepatutnya kerja-kerja pemberian dan pembersihan ke atas serpihan-serpihan simen dibuat sekali. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar pemantauan dibuat ke atas kontraktor yang membuat pemberian longkang agar tidak meninggalkan serpihan simen dan batu bata di sekitar kawasan yang mengundang masalah lain.

- 6.3.3 Encik Richard Yeoh Yong Woi menyokong perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud dan berharap agar pemantauan ke atas kontraktor dibuat semasa kontraktor menjalankan kerja-kerja. Beliau turut mencadangkan agar pembayaran hanya dibuat setelah kontraktor menjalankan tugas dengan sempurna.

- 6.3.4 Mesyuarat memutuskan agar bayaran dikenakan ke atas kontraktor yang meninggalkan serpihan simen atau bata-bata mengikut kiraan hari.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**



6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 9 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (19)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

6.4.2 Encik Mohd Ghazali bin Daud membangkitkan status kes Seni Jaya di muka surat 8-10.

Pengarah Perundangan memaklumkan tarikh sebutan kes untuk Seni Jaya adalah pada 25 November 2013 dan panggilan mahkamah pada 31 Disember 2013.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.**

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 16 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD 2 (114)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 17 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (103)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.**

6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 17 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (64)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**



6.7.2 Encik Teh Chi-Chang memaklumkan bahawa, mesyuarat telah bersetuju untuk menggunakan Mymeeting berkuatkuasa pada 1 November 2013. Cadangan ini disokong oleh Ahli Majlis yang lain dengan syarat terdapat ciri-ciri keselamatan ke atas sistem ini kerana ia dapat menjimatkan kos Majlis.

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (78)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BERTARIKH 21 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (91)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 22 OKTOBER 2013.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (77)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

7.1.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka Pengerusi yang telah merancang banyak projek di Petaling Jaya. Akan tetapi beliau berharap agar Bahagian Perhubungan Awam membuat liputan secara meluas ke atas projek majlis bagi makluman penduduk Petaling Jaya dan luar Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.**



**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK MAHHARUL BIN ISMAIL**

- 7.2.1 Beliau berharap agar semasa membuat sesuatu penilaian untuk dokumen sebut harga dan tender, jabatan/bahagian berkaitan hendaklah menilai dengan lebih teliti dan lebih tegas bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan sahaja ditawarkan kerja-kerja tersebut. Perkara ini perlu ditekankan ada setengah jabatan/bahagian memberikan markah yang tinggi kepada kontraktor walaupun tidak sempurna.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

**7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG**

- 7.3.1 Beliau menyokong perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Ir. Lee Suet Sen dan berharap agar Unit Perhubungan Awam membuat liputan meluas ke atas projek-projek yang dijalankan oleh MBPJ. Sebagaimana Negara China liputan dibuat dua (2) tahun sebelum projek siap. Promosi di facebook dan twitter tidak banyak membantu untuk mempromosikan MBPJ.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.**

**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEEYASELAN A/L T ANTHONY**

- 7.4.1 Beliau telah mempengerusi mesyuarat rumah terbengkalai sebanyak dua (2) kali dan sehingga sekarang masih tiada apa-apa tindakan daripada jabatan/bahagian berkaitan walaupun syor telah diputuskan.
- 7.4.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi akan mengadakan satu mesyuarat bersama Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, Pengarah Undang-Undang, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, Pengarah Jabatan Perbendaharaan dan pegawai daripada Pejabat tanah untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,  
Pengarah Undang-Undang, MBPJ,  
Pengarah Jabatan Bangunan, MBPJ,  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ,  
Pejabat Tanah, Selangor.**



**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KANDEAH A/L SUBRAMANIAM**

- 7.5.1 Beliau mengulas perutusan YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkaitan penggunaan peruntukan Ahli Majlis di mana permohonan perlu dihantar sebelum 31 Oktober 2013. Beliau mempersoalkan bagaimana penggunaan untuk Perayaan Deepavali dan Krismas yang mana perayaannya adalah selepas 31 Oktober 2013.
- 7.5.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan kecuali dua perayaan di atas, Ahli Majlis dipohon agar tidak menggunakan peruntukan secara 'Christmas Shopping' iaitu perbelanjaan 'last minute'.

**Tindakan : Semua Ahli Majlis, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN NORLIANA BINTI MOHAMAD**

- 7.6.1 Berkaitan program miskin bandar di bawah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan yang mana program tersebut merupakan usaha majlis mengurangkan tahap kemiskinan di Petaling Jaya. Akan tetapi, menurut beliau terdapat satu lagi pasukan daripada jabatan lain membuat program-program miskin bandar tanpa memaklumkan kepada jawatankuasa yang telah dilantik. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar segala idea-idea atau program yang melibatkan miskin bandar disalurkan kepada jawatankuasa yang dilantik untuk dibawa ke mesyuarat bagi mengelakkan program yang sama berulang.

**Tindakan : Makluman.**

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK**

- 7.7.1 Beliau mengulas, bengkel liveable telah memasuki tahun ke tiga (3) akan tetapi sehingga sekarang masih belum berkesan dari segi pelaksanaannya. Selain daripada itu, adalah program di bawah liveable membenarkan rumah setinggan atau struktur dibangunkan di atas longkang. Perkara ini berlaku di PJS 4 di mana terdapat rumah-rumah dan bengkel kereta haram didirikan di atas longkang atau tanah majlis dan tindakan tidak diambil.



- 7.7.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan melihat semula perkara ini untuk tindakan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

**7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH**

- 7.8.1 Beliau mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut beragama Hindu.

- 7.8.2 Beliau turut mengemukakan aduan peniaga yang dulunya bermiaga di dalam rumah (flat) telah menjalankan perniagaan di tepi jalan di kawasan Damansara Damai. Perkara ini menyalahi undang-undang dan mencacatkan pemandangan persekitaran. Menurut beliau lagi sekiranya tidak dikawal akan wujudnya gerai-gerai tetap di situ. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar tindakan diambil ke atas peniaga tersebut dengan kadar segera.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ, Timbalan Pengarah (Pelesenan), MBPJ.**

**7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN**

- 7.9.1 Beliau memaklumkan esok iaitu 26 Oktober 2013 merupakan hari haiwan sedunia dan menjemput Ahli Mesyuarat yang berminat dengan haiwan untuk sama-sama meraikan *World Animal Day*.

**Tindakan : Makluman.**

**7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN**

- 7.10.1 Beliau berharap agar MBPJ mengkaji semula harga tapak pasar malam.

- 7.10.2 Mesyuarat memutuskan perkara ini dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa untuk perbincangan.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Pelesenan), MBPJ.**

**7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZMAN BIN YUSOF**

7.11.1 Beliau membangkitkan status tapak berniaga haram di PJS 8 di bawah kabel elektrik yang mana difahamkan telah 20 atau 30 tahun berniaga di situ. Apa tindakan majlis.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

**7.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

7.12.1 Beliau berharap agar Polis Diraja Malaysia memberikan komen yang berkaitan sahaja ke atas permohonan lesen hiburan.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Pelesenan), MBPJ.**

7.12.2 Selain daripada itu beliau mempersoalkan mengapa MBPJ mempunyai Tabung Amanah yang banyak dan apakah tindakan dari segi undang-undang sekiranya salah penggunaan.

7.12.3 YBhg. Datin Paduka Pengerusi menerangkan bahawa Tabung Amanah diwujudkan mengikut projek dan ianya tidak boleh disalah gunakan dan semakan dibuat oleh audit setiap tahun.

**Tindakan : Makluman.**

**7.13 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

7.13.1 Beliau memaklumkan bahawa promosi terhadap pencapaian Petaling Jaya mesti diperluaskan untuk memperkenalkan Petaling Jaya di mata dunia. Selain daripada itu, sektor swasta dan sektor industri boleh dilibatkan untuk tujuan tersebut.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.**

7.13.2 Beliau berharap agar status PANTAS dapat diselesaikan dengan segera oleh Kerajaan Negeri.

7.13.3 Selain daripada itu, beliau turut membangkitkan kenderaan PERODUA semakin bertambah di tempat letak kereta Komplek C.



Pengarah Jabatan Perbendaharaan memaklumkan bahawa tempat letak kereta Komplek C telah diswastakan dan kontraktor terlibat telah menyewakan sebahagian tempat letak kereta di situ kepada PERODUA memandangkan terdapat ruangan kosong yang tidak digunakan. Kajian semula akan dibuat sekiranya ada keperluan.

**Tindakan : Makluman.**

**7.14 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

7.14.1 Mengulas perutusan YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkaitan Sovereign Wealth Fund (SWF) di mana Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk menubuhkan skim dana pelaburan kolektif yang dinamakan Selangor Urban Development Fund (SUDF) dan dijangka mempunyai dana permulaan sebanyak RM1 billion. Dana tersebut akan diperolehi daripada sumbangan pihak berkepentingan sektor swasta. Persoalan yang akan timbul, bagaimakah pihak swasta bekerjasama dengan SUK untuk menjayakan dana ini. Selain daripada itu adakah dana itu mencukupi sedangkan projek yang dirancang memerlukan peruntukan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan agar ADUN yang hadir di dalam mesyuarat mengutarkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

7.14.2 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar, Pengarah Kejuruteraan, Pengarah Perbendaharaan, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan semua Ahli-Ahli Majlis di atas usaha mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan masalah tempat letak kereta di Petaling Jaya. Pelbagai usaha dilakukan seperti pelaksanaan sistem jalan sehala dan pelaksanaan sistem had masa meletak kenderaan di Pusat Bandar Dataran Sunway.

**Tindakan : Makluman**

**7.15 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK RICHARD YEOH YONG WOI**

7.15.1 Beliau mencadangkan agar Majlis menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang bagi membanteras penduduk yang mendirikan struktur haram di atas longkang. *Standard Operation Procedure (SOP)* perlu disediakan dengan lengkap sebelum penguatkuasaan ke atas undang-undang itu dilaksanakan.



7.15.2 Selain daripada itu beliau berharap agar MBPJ membuat pendekatan kreatif bersama agensi dan jabatan yang menguatkuasakan jalan raya agar dapat menguatkuasakan had laju kenderaan. Menurut beliau, orang awam harus menukar pemikiran positif agar sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

**7.16 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH**

7.16.1 Beliau menyuarakan keimbangan di atas ekonomi negara yang semakin teruk dan keadaan ini akan mengakibatkan bertambahnya penjaja di tepi jalan.

7.16.2 Selain daripada itu, beliau berharap agar surat jemputan bagi setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis dikeluarkan lebih awal agar tidak bertembung dengan aktiviti yang lain. Perkara ini berlaku di mana beliau hanya menerima jemputan bagi aktiviti di Jalan Othman pada hari Rabu pagi dan aktiviti tersebut berlaku pada hari Khamis.

**Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan awam, MBPJ.**

**7.17 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ**

7.17.1 Beliau membangkitkan isu struktur haram dan penambahan bangunan tanpa kelulusan yang semakin berleluasa di Petaling Jaya. Bila penguatkuasaan dibuat ke atas bangunan tersebut, pemilik bangunan akan ke Jabatan Kawalan Bangunan untuk memohon.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Pengarah Jabatan Bangunan mengambil tindakan meroboh ke atas bangunan-bangunan atau tambahan bangunan haram. Sebagai contohnya di Jalan Changgai terdapat banyak bangunan haram yang didirikan. Tindakan perobohan akan memberi pengajaran kepada pemilik bangunan agar sentiasa mematuhi undang-undang di Petaling Jaya.

7.17.2 Beliau memaklumkan terdapat juga penyalahgunaan bangunan di mana pemilik rumah menggunakan rumah kediaman untuk aktiviti perniagaan tanpa kebenaran.



7.17.3 Beliau turut berharap agar anggota penguatkuasa yang melakukan rondaan lalulintas membuat aduan terus kepada jabatan/bahagian terlibat sekiranya mendapat terdapat penyalahgunaan bangunan dan penambahan bangunan tanpa kebenaran Majlis atau lain-lain kesalahan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.47 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

**(PUASA BIN MD TAIB),**  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 31 Oktober 2013



**HADIR:**

- |     |   |   |           |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,<br>Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md Taib,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.       |   |           |
| 03. | Encik Derek John Fernandez,<br>Ahli Majlis, MBPJ.             |   |           |
| 04. | Encik Mahharul bin Ismail,<br>Ahli Majlis, MBPJ.              |   |           |
| 05. | Encik Richard Yeoh Yong Woi,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |   |           |
| 06. | Encik Chan Chee Kong,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                   |   |           |
| 07. | Puan Cynthia Gabriel,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                   |   |           |
| 08. | Encik Terence Tan Teck Seng,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |   |           |
| 09. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,<br>Ahli Majlis, MBPJ. |   |           |
| 10. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |   |           |
| 11. | Encik Kandeah a/l Subramaniam,<br>Ahli Majlis, MBPJ.          |   |           |
| 12. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,<br>Ahli Majlis, MBPJ.                  |   |           |
| 13. | Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |   |           |
| 14. | Puan Norliana binti Mohamad,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |   |           |



**SULIT**

15. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Azman bin Yusof,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Tang Fuiie Koh,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ,
22. Encik Chiang Chian Fu,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Teh Chi-Chang,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Puan Azizah binti Haji Kosni,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.



**SULIT**

06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,  
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,  
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Encik Hasrizal bin Abdul Rahim,  
Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,  
Penolong Pengarah Kanan (Korporat), Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU).
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Ali Firdaus Othman,  
Wakil ADUN Taman Medan.
04. Encik Kiew Xun Jie,  
Wakil ADUN Kg. Tunku.
05. Y.B Puan Yeo Bee Yin,  
ADUN Damansara Utama.
06. Encik Nor Azri bin Sulong,  
Wakil ADUN Kota Damansara.

**URUSETIA :**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

